

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL PERKHIDMATAN DAN URUS NIAGA PENGELUARAN TANPA KAD PUBLIC BANK

Takrifan

Perkataan dan ungkapan yang berikut membawa maksud yang berikut:

“**ATM**” bermaksud mesin teler automatik Bank.

“**Bank**” bermaksud Public Bank Berhad [No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 (6463-H)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur dan/atau Public Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran Syarikat 197301001433 (14328-V)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, mengikut mana-mana yang berkenaan, serta pengganti dan penerima serah hak dan mana-mana yang berkenaan, mana-mana satu daripadanya.

“**Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad**” bermaksud perkhidmatan yang membolehkan Pengirim memulakan suatu arahan untuk memindahkan dana kepada Penerima melalui Aplikasi Mudah Alih dan kemudiannya, Penerima boleh membuat urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.

“**Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad**” bermaksud pengeluaran tunai melalui ATM atau CRM Bank tanpa menggunakan kad debit.

“**CRM**” bermaksud mesin kitar semula tunai Bank.

“**Aplikasi Mudah Alih**” bermaksud PB engage, Aplikasi MyPB (MyPB App) dan apa-apa aplikasi perbankan mudah alih lain yang disediakan oleh Bank untuk Pengirim dari semasa ke semasa, yang kesemuanya merupakan aplikasi perisian yang boleh dimuat turun melalui Apple App Store, Google Play Store, Huawei AppGallery atau storan aplikasi mudah alih lain yang Bank masukkan dari semasa ke semasa.

“**Pengeluaran Sendiri**” merujuk ciri-ciri dalam Aplikasi Mudah Alih yang membolehkan Pengirim memulakan pindahan dana kepada dirinya sendiri melalui Aplikasi Mudah Alih yang mana beliau kemudiannya akan membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad. Ini juga dikenali sebagai pindahan pihak pertama.

“**Kumpulan Public Bank**” bermaksud cawangan, agensi, wakil, pegawai, ahli gabungan, rakan sekutu atau perbadanan yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad pada syarikat induk atau subsidiari dan pegawai, kakitangan atau ejen masing-masing.

“**Sokongan Pelanggan PBe Public Bank**” bermaksud perkhidmatan pelanggan Kumpulan Public Bank. Butiran untuk menghubungi dinyatakan melalui <https://www.pbebank.com/Contact/Call-Us.aspx>.

“**Penerima**” bermaksud orang yang menerima dana daripada Pengirim yang membenarkan orang itu untuk membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.

“**Pengirim**” bermaksud orang yang memindahkan dana kepada Penerima melalui Aplikasi Mudah Alih dengan memasukkan nombor telefon mudah alih Penerima yang kemudiannya akan membenarkan Penerima untuk membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.

“**SMS**” merujuk perkhidmatan mesej pesanan ringkas.

“**Terma dan Syarat**” bermaksud terma dan syarat ini yang mengawal Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad termasuk apa-apa perubahan, pindaan, semakan semula dan/atau pengubahsuaian yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Bank.

“**Kod Urus niaga atau Kod-T**” bermaksud angka atau digit yang dipaparkan pada skrin perakuan selepas Pengirim berjaya memulakan permohonan Pengeluaran Tanpa Kad. Kod urus niaga ini hendaklah disampaikan oleh Pengirim kepada Penerima, yang perlu dimasukkan pada ATM atau CRM bersama-sama Kod-W untuk Penerima mengeluarkan dana tersebut.

“**Tempoh Sah**” bermaksud tempoh sah bagi Kod Urus niaga dan/atau Kod Pengeluaran, mengikut mana-mana yang berkenaan.

“**Kod Pengeluaran atau Kod-W**” bermaksud angka atau digit yang dihantar oleh Bank kepada Penerima melalui SMS. Kod ini perlu dimasukkan pada ATM atau CRM bersama-sama Kod-T untuk penerima mengeluarkan dana tersebut.

Rujukan

- (a) Perkataan yang mempunyai maksud mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya
- (b) Perkataan yang membawa maksud gender maskulin hendaklah termasuk gender feminin dan gender neuter dan sebaliknya.
- (c) Rujukan kepada seseorang termasuk peguam, wasi dan pentadbir orang itu dan Terma dan Syarat ini akan mengikat mereka itu.
- (d) Rujukan pada “termasuk” atau “contohnya” atau perkataan sama yang lain apabila memperkenalkan contoh tidak menghadkan maksud perkataan yang dijadikan contoh.
- (e) Apa-apa terma perbankan yang tidak ditakrifkan atau diperihalkan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsirkan menurut amalan am bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia. Apa-apa terma berkaitan dengan teknologi komputer yang tidak ditentukan atau dinyatakan secara menyeluruh dalam Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsirkan menurut amalan am dan industri teknologi maklumat di Malaysia.

1. Terma dan Syarat

- 1.1 Terma dan Syarat ini mengawal Perkhidmatan dan Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad. Penting untuk Pengirim dan Penerima membaca dan faham Terma dan Syarat ini sebelum menggunakan Perkhidmatan dan Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.

- 1.2 Sekiranya Pengirim menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad, Pengirim dianggap telah membaca, faham menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 1.3 Sekiranya Penerima membuat apa-apa Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad, Penerima dianggap telah membaca, faham, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 1.4 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan:-
 - (a) terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian Public Bank dan Perbankan Mudah Alih; dan
 - (b) terma dan syarat yang mengawal akaun yang berkaitan dalam mana dana didebitkan bagi tujuan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad

(secara kolektif dikenali sebagai “Terma Lain”).
- 1.5 Sekiranya terdapat pertikaian atau ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Terma Lain, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan berkaitan dengan Perkhidmatan dan Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.

2. Perkhidmatan/Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad

- 2.1 Pengirim boleh memulakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad untuk “Pengeluaran Sendiri” atau “Kepada Orang Lain” melalui Aplikasi Mudah Alih.
- 2.2 Pengirim hendaklah memastikan beliau memasukkan butiran yang betul dan lengkap, termasuk nombor mudah alih Penerima, nama Penerima dan amaun yang akan dipindahkan sebelum mengemukakan arahan untuk memulakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad.
- 2.3 Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk menentusahkan apa-apa butiran yang dimasukkan oleh Pengirim berkenaan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad. Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk menentusahkan nombor mudah alih Penerima sepadan dengan nama Penerima. Bank tidak dipertanggungjawabkan dalam apa juga cara atas apa-apa kerugian atau ganti rugi berikutan ralat dalam arahan yang diberi oleh Pengirim.
- 2.4 Selepas Pengirim berjaya memulakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad, Pengirim akan menerima Kod Urus niaga melalui Aplikasi Mudah Alih dan Penerima akan menerima Kod Pengeluaran melalui SMS pada nombor mudah alih yang dimasukkan oleh Pengirim.
- 2.5 Penerima kemudiannya akan dapat mengeluarkan wang daripada mana-mana ATM atau CRM dengan memasukkan Kod Urus niaga dan Kod Pengeluaran dalam Tempoh Sah kod berkenaan.

- 2.6 Sekiranya Penerima gagal untuk memasukkan mana-mana satu kod berkenaan dengan betul, sama ada Kod Urus niaga atau Kod Pengeluaran, Penerima tidak akan dapat mengeluarkan wang daripada ATM atau CRM.
- 2.7 Sekiranya beberapa percubaan telah dibuat oleh Penerima dengan memasukkan Kod Urus niaga atau Kod Pengeluaran, urus niaga tersebut mungkin dibatalkan oleh Bank dan Kod Urus niaga dan Kod Pengeluaran tidak lagi boleh digunakan oleh Penerima bagi Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad itu.
- 2.8 Selepas Penerima berjaya membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad, amaun yang dikeluarkan oleh Penerima akan didebitkan daripada akaun Pengirim yang dipilih oleh Pengirim bagi tujuan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad.

3. Kod Urus niaga (Kod-T)

- 3.1 Pengirim bertanggungjawab untuk berkomunikasi mengenai Kod Urus niaga kepada Penerima dalam Tempoh Sah dengan cara yang selamat dan memastikan semua langkah yang munasabah telah diambil untuk mengelakkan Kod Urus niaga daripada digunakan tanpa kebenaran dan/atau secara penipuan.
- 3.2 Pengirim tidak boleh mendedahkan Kod Urus niaga kepada mana-mana orang selain daripada Penerima yang sepatutnya
- 3.3 Pengirim tidak boleh merekod dan hendaklah memastikan Penerima tidak merekod atau menyimpan Kod Urus niaga di mana-mana tempat atau dengan apa-apa cara yang membolehkan pihak ketiga untuk mempunyai akses kepada Kod Urus niaga berkenaan.
- 3.4 Sekiranya Pengirim atau Penerima mengesyaki atau mengetahui bahawa terdapat orang yang tidak dibenarkan telah mengetahui Kod Urus niaga atau mempunyai akses kepada Kod Urus niaga, Pengirim dan/atau Penerima akan memaklukkannya dengan segera kepada Sokongan Pelanggan PBe Public Bank. Bank boleh (tetapi tidak dipertanggungjawabkan untuk) membatalkan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad yang dimulakan oleh Pengirim.

4. Kod Pengeluaran (Kod-W)

- 4.1 Pengirim hendaklah memaklumkan kepada Penerima yang beliau akan menerima Kod Pengeluaran melalui SMS dan Kod Pengeluaran ini akan digunakan bersama-sama dengan Kod Urus niaga dalam Tempoh Sah masing-masing bagi tujuan untuk membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.
- 4.2 Pengirim hendaklah memastikan Penerima telah mengambil semua langkah yang perlu untuk mengelakkan Kod Pengeluaran daripada digunakan tanpa kebenaran dan/atau secara penipuan.

- 4.3 Pengirim hendaklah memastikan Penerima tidak merekod atau menyimpan Kod Pengeluaran di mana-mana tempat atau dengan apa-apa cara yang membolehkan pihak ketiga mempunyai akses kepada Kod Urus niaga berkenaan.
- 4.4 Sekiranya Pengirim atau Penerima mengesyaki atau mengetahui bahawa terdapat orang yang tidak dibenarkan telah mengetahui Kod Pengeluaran atau mempunyai akses kepada Kod Pengeluaran, Pengirim dan/atau Penerima hendaklah memaklumpkannya dengan segera kepada Sokongan Pelanggan PBe Public Bank. Bank boleh (tetapi tidak dipertanggungjawabkan untuk) membatalkan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad yang dimulakan oleh Pengirim.

5. Caj Perkhidmatan

- 5.1 Pengirim mungkin perlu membayar fi dan caj perkhidmatan bagi penggunaan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad.
- 5.2 Bank berhak untuk menyemak semula fi dan caj perkhidmatan dari semasa ke semasa dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pengirim melalui cara yang Bank anggap sesuai. Semakan semula itu akan berkuat kuasa dari tarikh seperti yang dinyatakan dalam notis. Dengan terus mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad selepas makluman tersebut, Pengirim dianggap bersetuju dan menerima semakan semula itu.

6. Pembatalan

- 6.1 Pengirim mempunyai pilihan untuk membatalkan mana-mana arahan yang diberi untuk Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad sebelum Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad dibuat oleh Penerima. Apa-apa pembatalan arahan mesti dimaklumkan oleh Pengirim kepada Penerima dengan segera bagi mengelakkan pertikaian atau percubaan untuk membuat pengeluaran oleh Penerima.
- 6.2 Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk memaklumkan kepada Penerima mengenai apa-apa pembatalan arahan oleh Pengirim berkenaan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad yang menyebabkan Penerima tidak dapat membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.

7. Hak untuk Mendebit

- 7.1 Pengirim membenarkan Bank untuk mendebit daripada mana-mana akaun beliau, kesemua wang yang perlu dibayar oleh Bank di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa fi, caj perkhidmatan dan caj urus niaga dan apa-apa cukai yang dikenakan berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad.

8. Penafian

- 8.1 Bank telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan ketepatan maklumat, bahan dan kandungan yang diberi secara langsung dan eksklusif oleh Bank. Namun begitu, maklumat, bahan dan kandungan yang diberi oleh Bank dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga melalui Aplikasi Mudah Alih disediakan atas dasar “seadanya” dan dalam bentuk am dan tertakluk pada obligasi Pengirim untuk menerima nasihat guaman, kewangan atau nasihat bebas lain seperti yang Pengirim menganggap perlu.
- 8.2 Dengan menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad, Pengirim mengaku dan bersetuju:-
- (a) Untuk menerima risiko bawaan yang berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil melalui internet; dan
 - (b) Bahawa Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan secara nyata atau tersirat berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad.
- 8.3 Bank, pengarah, pegawai, kakitangan atau ejennya menolak apa-apa jaminan atau representasi secara nyata atau tersirat termasuk tetapi tidak terhad pada syarat kebolehdagangan, jaminan serah hak, pelanggaran hak harta intelektual, kebolegunaan, ketepatan, kualiti atau kesesuaian bagi tujuan urus niaga perkhidmatan yang dibuat melalui laman Aplikasi Mudah Alih.
- 8.4 Bank atau mana-mana pihak lain yang terlibat dalam penghasilan, penyediaan atau penyampaian Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad tidak bertanggungjawab berkenaan dengan penggunaan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad oleh Pengirim. Tiada maklumat atau makluman secara lisan atau bertulis diberi oleh Bank, ejennya atau kakitangan Bank yang boleh dijadikan jaminan atau dalam apa juga cara meningkatkan skop jaminan tersebut, dan Pengirim tidak boleh bergantung pada maklumat atau makluman sedemikian.
- 8.5 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan tanpa prejudis kepada apa-apa fasal lain dalam Terma dan Syarat ini, Bank, termasuk mana-mana pengarah, pegawai dan kakitangannya tidak dipertanggungjawabkan bagi apa-apa ganti rugi, kerugian, kos dan perbelanjaan berikutan atau berkenaan dengan Perkhidmatan dan/atau Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad atau penggunaan atau kegagalan untuk Pengirim menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad atau pelaksanaan atau kegagalan untuk Penerima melaksanakan Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad atau berkaitan dengan apa-apa kelewatan, kesilapan, ketertinggalan, kecacatan atau kegagalan sistem.

- 8.6 Tanpa mengehendkan keluasan makna fasal di atas dan sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, ganti rugi atau rasa malu yang dialami atau ditanggung oleh Pengirim, Penerima atau mana-mana pihak ketiga disebabkan oleh atau berikutan:-
- (a) kegagalan Pengirim dan/atau Penerima untuk mematuhi Terma dan Syarat ini;
 - (b) kegagalan Pengirim dan/atau Penerima untuk mematuhi suruhan, prosedur dan arahan terkini bagi penggunaan Perkhidmatan dan/atau Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad;
 - (c) akses, penggunaan atau ketidakupayaan Pengirim dan/atau Penerima untuk mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad dan/atau apa-apa laman web lain yang dipautkan pada Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad;
 - (d) Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad tidak boleh didapati;
 - (e) kegagalan Pengirim untuk memberi Kod Urus niaga kepada Penerima;
 - (f) kegagalan Pengirim untuk memberi Kod Urus niaga yang tepat kepada Penerima dalam Tempoh Sah;
 - (g) apa-apa pembatalan oleh Pengirim berkaitan dengan apa-apa arahan mengenai Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad;
 - (h) kegagalan Penerima untuk menerima apa-apa wang daripada ATM dan/atau CRM atas sebab teknikal ATM dan/atau CRM tersebut; atau
 - (i) kegagalan Penerima untuk memastikan Kod Pengeluaran disimpan dengan sempurna;
 - (j) apa-apa Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad yang telah berjaya dibuat oleh pihak yang tidak dibenarkan dengan memasukkan Kod Urus niaga dan Kod Pengeluaran yang betul;
 - (k) apa-apa kesilapan, perubahan atau kemusnahan data atau maklumat kepada atau daripada Bank melalui Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad;
 - (l) apa-apa kegagalan, kelewatan dalam transmisi, kesilapan gangguan atau ketertinggalan oleh Bank atau ejennya kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau kemungkiran yang disengajakan oleh Bank;
 - (m) apa-apa ketidaktepatan, kesilapan, kecacatan pada kandungan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad yang bukannya kesalahan Bank atau laman web lain yang dipautkan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad;

- (n) apa-apa ketertinggalan, kelewatan dalam melaksanakan atau obligasi Pengirim yang tidak dilaksanakan di bawah Terma dan Syarat ini;
- (o) Bank bertindak atas arahan yang dihantar dengan penggunaan ID pengguna dan kata laluan Pengirim yang digunakan untuk log masuk dalam Aplikasi Mudah Alih;
- (p) apa-apa arahan berbentuk penipuan atau yang tidak dibenarkan melainkan disebabkan oleh kecuaiian atau kemungkiran yang disengajakan oleh Bank;
- (q) akses kepada apa-apa laman yang dipautkan kepada Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad;
- (r) apa-apa pencerobohan atau serangan oleh mana-mana orang atau pihak kepada apa-apa perkakasan, perisian atau sistem yang digunakan berkenaan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad atau pada internet termasuk tetapi tidak terhad pada virus, kekuda Trojan, cecacing dan/atau makro atau komponen berbahaya lain atau peranti yang dilumpuhkan yang boleh menggantung, mengganggu atau menyebabkan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad atau mana-mana bahagian fungsinya tidak dapat digunakan;
- (s) apa-apa sekatan atau halangan bagi penggunaan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad oleh mana-mana undang-undang atau peraturan oleh mana-mana negara dari mana Pengirim mengakses Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad tersebut;
- (t) apa-apa penghantaran khidmat sistem pesanan ringkas (SMS), geraan/geraan urus niaga/paparan notifikasi atau bayaran yang tidak dihantar atau tertangguh disebabkan oleh peranti, penyedia penyemak seimbas internet atau oleh penyedia perkhidmatan rangkaian;
- (u) apa-apa kesilapan, kerugian atau ganti rugi atau putar-belit maklumat dan/atau arahan semasa penghantaran maklumat dan/atau arahan kepada atau daripada Pengirim dan/atau Penerima yang disebabkan oleh peranti, penyedia penyemak seimbas internet atau penyedia perkhidmatan rangkaian;
- (v) apa-apa kerosakan atau kegagalan apa-apa peranti, sistem atau perisian yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad, sama ada milik Bank atau sebaliknya, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa terminal elektronik, pelayan atau sistem, peranti telekomunikasi, sambungan, elektrik, bekalan tenaga, telekomunikasi atau rangkaian komunikasi atau sistem lain;
- (w) data atau arahan yang rosak atau hilang semasa transmisi sama ada melalui Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad atau sebaliknya yang digunakan oleh Bank atau mana-mana pihak ketiga sama ada berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad atau sebaliknya.

9. Tanggung Rugi

9.1 Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada apa-apa hak atau remedi yang ada pada Bank (dari segi undang-undang atau sebaliknya) dan sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, Pengirim dan/atau Penerima akan menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa daripada dan terhadap semua tuntutan, prosiding, tindakan, kerugian, kos, ganti rugi, liabiliti, penalti, caj dan perbelanjaan (termasuk semua kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh) dan semua cukai, duti dan levi yang perlu dibayar bagi kos, caj dan perbelanjaan sedemikian yang Bank mungkin alami atau tanggung disebabkan oleh:-

- (a) ketidakpatuhan atau kemungkiran oleh Pengirim atau Penerima terhadap Terma dan Syarat ini atau terma dan syarat lain yang diterima pakai ke atas Pengirim atau Penerima;
- (b) Bank bertindak menurut apa-apa arahan yang dikatakan diberi kepada Bank menurut Terma dan Syarat ini;
- (c) apa-apa perubahan dalam undang-undang yang diterima pakai termasuk tetapi tidak terhad pada undang-undang atau peraturan percukaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- (d) apa-apa tindakan oleh mana-mana pihak terhadap Pengirim atau Penerima bagi apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad pada tindakan Pengirim atau Penerima yang menyalahi undang-undang, berunsur penipuan, kecuaiian atau penggunaan tanpa kebenaran Perkhidmatan dan/atau Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad tersebut;
- (e) apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang, kecuaiian dan/atau berunsur penipuan oleh Pengirim atau Penerima;
- (f) pemeliharaan atau penguatkuasaan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
- (g) pematuhan oleh Bank mengenai apa-apa kehakiman, perintah mahkamah, dikri, arahan, undang-undang, peraturan atau apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh mana-mana tribunal atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank; atau
- (h) apa-apa kemungkiran kerahsiaan atau apa-apa akibat daripada kemungkiran berkenaan yang hendaklah termasuk apa-apa akses tidak dibenarkan atau yang menyalahi undang-undang kepada maklumat itu oleh pihak ketiga.

10. Pendedahan Maklumat

10.1 Tanpa prejudis terhadap apa-apa hak untuk pendedahan yang Bank mungkin ada di bawah undang-undang seperti Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Pengirim dan Penerima bersetuju dan memberi keizinan kepada Bank (termasuk kakitangan, ejen Bank atau mana-mana orang yang Bank beri akses kepada rekod Bank berkaitan dengan Pengirim) untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan Pengirim dan Penerima serta penggunaan Perkhidmatan dan/atau Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad kepada mereka yang berikut:-

- (a) mana-mana satu atau lebih ahli Kumpulan Public Bank bagi tujuan:-
 - i. pelaporan;
 - ii. pelaksanaan fungsi-fungsi berpusat termasuk tetapi tidak terhad pada audit, risiko, pengurusan, kewangan dan teknologi maklumat;
 - iii. pematuhan dasar, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan Public Bank;
 - iv. pelaksanaan korporat;
 - v. pembasmian penipuan dan jenayah;
 - vi. pemungutan hutang;
 - vii. penyumberluaran fungsi dan/atau operasi Bank;
 - viii. penyiasatan, pembasmian atau sebaliknya berkaitan dengan pengubahan wang dan aktiviti jenayah;
 - ix. penambahbaikan dan melanjutkan pemberian perkhidmatan lain oleh Bank atau mana-mana Kumpulan Public Bank kepada Pengirim dan Penerima;
- (b) mana-mana orang bagi atau yang berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil oleh Bank untuk memelihara dan menguatkuasakan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
- (c) mana-mana orang yang Bank lantik bagi tujuan untuk melaksanakan atau berkaitan dengan prestasi perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah disumberluarkan;
- (d) juruaudit, peguamcara dan penasihat profesional Bank;

- (e) polis atau mana-mana pegawai polis yang menjalankan penyiasatan berkaitan dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
 - (f) pencetak bahan-bahan alat tulis Bank, vendor sistem komputer yang Bank gunakan dan kepada mereka yang memasang dan menyelenggaranya serta pembekal barang-barang atau penyedia perkhidmatan lain yang Bank lantik;
 - (g) mana-mana agensi penarafan;
 - (h) mana-mana peserta sebenar atau bakal peserta atau peserta kecil berkaitan dengan apa-apa obligasi Bank di bawah perjanjian perbankan antara Bank dengan Pengirim dan Penerima, atau penerima serah hak, novati atau penerima pindahan;
 - (i) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan dengan bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Public Bank;
 - (j) mana-mana pihak berkuasa percukaian atau penyiasatan bagi tujuan memudahkan pertukaran maklumat berkaitan dengan urusan cukai;
 - (k) mana-mana pihak yang perlu bagi Bank untuk pelaksanaan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (l) mana-mana orang yang kepadanya Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Public Bank dibenarkan atau perlu untuk mendedahkannya di bawah undang-undang negara ini;
 - (m) Penerima (berkaitan dengan urus niaga Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad yang dibuat oleh Pengirim kepada Penerima, tidak kira sama ada berjaya atau tidak).
- 10.2 Bank dan Kumpulan Public Bank boleh bertindak dalam apa jua cara yang Bank anggap sesuai sekiranya Bank menerima perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah dalam apa-apa bidang kuasa. Pengirim dan Penerima bersetuju bahawa kedua-duanya tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi berkaitan dengan tindakan Bank.
- 10.3 Pengirim dan Penerima mengesahkan bahawa mereka telah menerima, membaca, faham dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Bank yang boleh didapati melalui laman web Bank. Pengirim dan Penerima bersetuju bahawa kandungan Notis Privasi ini akan dianggap sebagai telah digabungkan dengan merujuk Terma dan Syarat ini.
- 10.4 Pengirim mengakui dan mengesahkan bahawa beliau telah memperoleh keizinan daripada Penerima sebelum mendedahkan data peribadi Penerima kepada Bank dan telah memberi salinan Notis Privasi Bank kepada Penerima yang bersetuju untuk mematuhi.

11. Penggantungan atau Penamatan

- 11.1 Bank boleh tanpa notis terlebih dahulu menggantung atau menamatkan hak Pengirim untuk menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa perlu memberi apa-apa sebab.
- 11.2 Tanpa mengambil kira mana-mana fasal lain dalam Terma dan Syarat ini, Bank boleh menggantung atau menamatkan hak Pengirim untuk menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad dengan serta-merta sekiranya:-
- (a) Pengirim mengugut untuk memungkiri atau telah memungkiri mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini;
 - (b) Pengirim tidak lagi menyenggara apa-apa akaun dengan Bank yang boleh digunakan untuk Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad;
 - (c) Penggunaan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad oleh Pengirim dihadkan oleh Bank atau mana-mana pihak lain atas apa-apa sebab termasuk tetapi tidak terhad pada pematuhan terhadap apa-apa perintah mahkamah;
 - (d) Pengirim meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, tidak waras, tidak solven atau bankrap atau berhadapan dengan prosiding kehakiman.
 - (e) undang-undang dan peraturan yang mengawal Bank menjadikan tidak sah, menyalahi undang-undang dan mustahil untuk Bank memberi kepada Pengirim atau terus memberi kepada Pengirim penggunaan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad atau mematuhi obligasi Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (f) terdapat siasatan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang akan diambil, sedang berjalan atau diancam terhadap Pengirim;
 - (g) sekiranya terdapat laporan dibuat terhadap Pengirim di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;
 - (h) sekiranya Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad digunakan bagi apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - (i) apa-apa penyiasatan akan dijalankan atau sedang dijalankan oleh Bank terhadap Pengirim, akaun Pengirim dan/atau apa-apa urusan niaga berkaitan dengan akaun Pengirim.

12. Kos dan Perbelanjaan

- 12.1 Pengirim akan dipertanggungjawabkan bagi semua kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada fi guaman) yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan Terma dan Syarat ini, penggunaan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad, penguatkuasaan atau cubaan untuk memelihara atau menguatkuasakan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau apa-apa perkara berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad.

13. Perubahan Perlembagaan

- 13.1 Terma dan Syarat ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan, tanpa mengambil kira apa-apa pindahan atau penyerahan hak perniagaan, operasi, aset atau liabiliti Bank atau apa-apa perubahan melalui penggabungan, penyatuan, penstrukturan semula atau sebaliknya dalam perlembagaan Bank atau mana-mana syarikat yang perniagaan Bank dijalankan, dan akan disediakan kepada syarikat yang menjalankan perniagaan berkenaan.

14. Cukai, Duti dan Levi

- 14.1 Pengirim bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai atau levi yang diperlukan mengikut undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang berkenaan (dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan yang dibuat terhadap undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan tersebut) untuk dibayar kepada mana-mana perbadanan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank berkenaan dengan apa-apa fi dan caj yang dikenakan atau yang ditanggung oleh Bank dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad.
- 14.2 Apa-apa cukai atau levi yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad ini dan apa-apa barang atau perkhidmatan yang disediakan di bawah Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad ini hendaklah ditanggung oleh dan dicaj kepada Pengirim dan sekiranya Bank melaksanakan apa-apa bayaran, Pengirim bertanggungjawab untuk membayar semula kepada Bank amaun yang dibayar itu.

15. Antirasuah

- 15.1 Bank telah melancarkan Dasar Antisogokan dan Antirasuah (“Dasar ABAC”) yang menerima pakai “pendekatan toleransi sifar” terhadap apa jua bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC, sila layari laman web Bank.

- 15.2 Pengirim dan Penerima hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan sogokan atau rasuah yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Anti-Rasuah Malaysia 2009 (“Akta SPRM”), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 15.3 Bank mempunyai hak untuk menamatkan produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan kepada Pengirim (termasuk Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad) serta-merta sekiranya Pengirim didapati melanggar Dasar ABAC atau terlibat dengan tindakan sogokan atau amalan rasuah.

16. Force Majeure

- 16.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini disebabkan oleh apa juga keadaan di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad pada:-
- (i) Apa-apa kerosakan atau kegagalan peralatan, sistem atau pautan transmisi;
 - (ii) Apa-apa kebakaran, gempa bumi, banjir, letupan, tindakan elemen, bencana alam, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan awam, tsunami;
 - (iii) Apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, elektrik, air dan bekalan minyak; atau
 - (iv) Apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa yang tidak dijangka yang menghalang Bank daripada melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini,

Bank tidak akan dalam apa juga cara bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang Pengirim dan/atau Penerima mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

17. Penepian

- 17.1 Apa-apa kegagalan atau penangguhan di pihak Bank untuk melaksanakan hak dan remedi yang diberi kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau undang-undang tidak boleh dianggap sebagai penepian oleh Bank untuk melaksanakan hak dan remedi tersebut.
- 17.2 Sekiranya Bank memutuskan untuk tidak melaksanakan apa-apa hak yang Bank ada berkaitan dengan kemungkiran oleh Pengirim atau Penerima, ini tidak boleh dianggap sebagai penepian hak Bank dan Bank boleh mengekalkan hak itu pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan atau mendesak hak Bank berkaitan dengan kemungkiran tersebut atau apa-apa kemungkiran berikutnya oleh Pengirim atau Penerima.

18. Kebolehasingan

- 18.1 Sekiranya mana-mana bahagian dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, fasal yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu hendaklah dianggap sebagai tidak dimasukkan dalam Terma dan Syarat ini dan baki Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan dikuatkuasakan dan tidak akan terjejas dalam apa juga cara oleh fasal yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu.

19. Remedi Terkumpul

- 19.1 Hak, kuasa dan keistimewaan yang diberi di bawah Terma dan Syarat ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif berkenaan dengan apa-apa hak, remedi dan keistimewaan yang disediakan oleh undang-undang, dalam perjanjian lain antara pihak-pihak atau sebaliknya.

20. Pemeliharaan Hak dan Kelayakan

- 20.1 Pengirim dan Penerima bersetuju bahawa tanpa mengambil kira apa yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan Bank seperti yang dinyatakan di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan dilaksanakan sepenuhnya dan akan mengatasi apa-apa penamatan, pembatalan, pengubahsuaian atau penggantungan penggunaan dan akses kepada Perkhidmatan dan/atau Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.

21. Aduan dan Pertikaian

- 21.1 Sekiranya Pengirim mempunyai apa-apa aduan, pertikaian, pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad ini, Pengirim boleh menghubungi Sokongan Pelanggan PBe Public Bank.
- 21.2 Pengirim perlu menyatakan bentuk pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian dan butir-butir atau maklumat lain yang diperlukan oleh Bank. Aduan, pertikaian atau pertanyaan itu akan disiasat, diurus dan/atau diselesaikan mengikut prosedur penyelesaian aduan dan pertikaian Bank.
- 21.3 Bank tidak bertanggungjawab untuk melayani surat-menyurat atau aduan oleh Penerima berkaitan dengan kegagalannya untuk membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad. Penerima hendaklah merujuk kepada Pengirim sekiranya terdapat aduan atau pertikaian.

22. Perubahan/Pindaan

- 22.1 Bank boleh meminda, mengubah suai, menyemak semula dan/atau menukar Terma dan Syarat ini dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kepada Pengirim. Sekiranya Pengirim terus menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad, Pengirim akan dianggap sebagai telah bersetuju dengan Terma dan Syarat yang dipinda, diubah suai, disemak semula dan diubah tersebut.

23. Undang-undang dan Bidang Kuasa

- 23.1 Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pengirim dan Penerima tanpa boleh batal bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 23.2 Pengirim dan Penerima bersetuju untuk mengetepikan apa-apa bantahan atas alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa atau alasan yang lain.

24. Boleh Serah Hak

- 24.1 Pengirim dan Penerima tidak boleh menyerahkan hak dan/atau memindahkan apa-apa hak dan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini.
- 24.2 Bank boleh meletak hak dan/atau memindahkan kesemua atau mana-mana hak, hak milik, faedah dan obligasi di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana orang yang Bank anggap wajar.

25. Mengikat Penganti

- 25.1 Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat ke atas pewaris, wakil peribadi dan pengganti dari segi hak milik Pengirim dan Penerima dan ke atas pengganti dan penerima serah hak Bank.

Dikemas kini kali terakhir pada 22 Januari 2024.